

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI  
SESI II : 2023 / 2024**

---

---

**SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN**

**SPP 30293  
PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**

Dua (2) jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

**BAHAGIAN A***[ 40 markah ]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah definisi sistem maklumat? CLO1  
T1
- A** Sistem maklumat adalah sistem di mana semua data berkenaan sesebuah organisasi disimpan di dalamnya.
- B** Sistem maklumat adalah set komponen yang menerima dan menguruskan data dalam sesebuah organisasi.
- C** Sistem maklumat adalah kaedah sesebuah organisasi menguruskan bahagian yang berkaitan dalam organisasinya.
- D** Sistem maklumat adalah satu set komponen yang dihubungkan antara satu sama lain untuk penerimaan, pemprosesan, penyebaran dan simpanan data untuk menyokong proses kawalan dan membuat keputusan di dalam organisasi.
2. Apakah definisi sistem pengurusan? CLO1  
T1
- A** Sistem pengurusan adalah kaedah di sesebuah organisasi menerima data dan memprosesnya menjadi output.
- B** Sistem pengurusan adalah komponen yang menghubungkan data penerimaan, pemprosesan, penyebaran dan simpanan data.
- C** Sistem pengurusan adalah komponen yang digunakan oleh pegawai ICT untuk menyimpan dan menyebarkan data simpanan bagi pihak atasan membuat keputusan.
- D** Sistem pengurusan merupakan kaedah di mana sesebuah organisasi menguruskan bahagian yang berkaitan di dalam perniagaan menyokong kepada pencapaian objektif organisasi.
3. Apakah aktiviti asas sistem maklumat ? CLO1  
T1
- A** Input, proses dan output
- B** Input, database dan proses
- C** Urusniaga, proses dan pengeluaran
- D** Mengumpul, memproses dan menyebar

4.

Set arahan pemprosesan maklumat yang bukan hanya melibatkan set arahan operasi tetapi juga melibatkan prosedur.

CLO1T1

Kenyataan di atas menerangkan komponen sistem maklumat. Apakah komponen yang terlibat bagi penerangan di atas?

- A** Data
- B** Perisian
- C** Perkakasan
- D** Orang ramai

5. Manakah antara berikut merupakan penerangan mengenai proses dalam aktiviti asas sistem maklumat? CLO1

T1

- A** Menyemak data dan maklumat untuk diproses.
- B** Menukarkan data mentah kepada maklumat yang bermakna.
- C** Mengumpul data mentah di dalam organisasi atau dari sumber luar.
- D** Memindahkan maklumat yang telah diproses kepada pihak yang berkaitan.

6. Manakah antara berikut adalah contoh data di dalam komponen sistem maklumat? CLO1

T1

- A** Tetikus, papan kunci dan pencetak.
- B** Nama, nombor, jenis darah dan markah.
- C** Analisis jualan, pemprosesan perkataan dan gaji.
- D** Microsoft Office, Adobe Illustrator dan Adobe Photoshop.

7. Perisian komputer terbahagi kepada dua. Apakah perisian komputer tersebut? CLO1

T2

- A** Perisian sistem dan perisian aplikasi.
- B** Perisian operasi dan perisian sistem.
- C** Perisian maklumat dan perisian data.
- D** Perisian Android dan perisian perkakasan.

8. Manakah antara berikut merupakan perisian aplikasi? CLO1


T2

- A** Perisian aplikasi asas dan perisian pakar.
- B** Perisian aplikasi asas dan perisian aplikasi khas.
- C** Perisian aplikasi pakar dan perisian aplikasi khas.
- D** Perisian aplikasi khusus dan perisian aplikasi asas.

9. Merujuk kepada pernyataan di bawah manakah menerangkan mengenai unit CLO1 pemprosesan berpusat? T2

- A Memberi arahan kepada komputer.
- B Lebih banyak ram lebih laju kadar pemprosesan.
- C Membenarkan pengguna memasukkan data ke dalam memori.
- D Storan utama komputer untuk menyimpan data yang ingin diproses.

10. CLO1  
T2



Rajah 1

Manakah antara berikut merupakan contoh bagi Rajah 1 di atas?

- A Poli Wifi
  - B Kolej Wifi
  - C Home Unifi
  - D Selangor Wifi
11. Berikut ialah penerangan mengenai rangkaian kawasan luas **KECUALI** CLO1  
T2
- A Rangkaian jenis ini biasanya terhad kepada batasan geografi yang kecil.
  - B Rangkaian jenis ini lazimnya meliputi suatu kawasan geografi yang agak luas.
  - C Rangkaian ini disambungkan dengan beberapa medium antaranya ialah isyarat satelit dan kabel optik.
  - D Rangkaian ini dapat menghubungkan dari satu negara ke satu negara yang lain contohnya Malaysia dan Amerika Syarikat.

12. Manakah antara berikut contoh peranti yang betul?

CLO1

T2

| Jenis peranti    | Contoh         |
|------------------|----------------|
| i - Input        | Tetikus        |
| ii - Output      | Pencetak       |
| iii - Storan     | Pemacu keras   |
| iv - Pemprosesan | Pembesar suara |

- A i, ii dan iv  
 B i, ii dan iii  
 C i, iii dan iv  
 D ii, iii dan iv

13. Apakah ciri-ciri virus?

CLO1

T3

- A Dibina oleh individu dengan hasrat untuk merosakkan sesebuah fail program.  
 B Boleh berdikari dengan memasuki jaringan dan berupaya untuk membuat kerosakan.  
 C Boleh menyerupai perisian-perisian yang berguna seperti ikon gambar dan ikon microsoft word.  
 D Program yang memasang diri sendiri ke dalam komputer untuk mengawal aktiviti pelayaran web.

14. Manakah antara berikut adalah jenayah komputer?

CLO1

T3

- A Virus  
 B Penceroboh  
 C Kuda Trojan (*Trojan Horse*)  
 D Perisian Pengintip (*Spyware*)

15. Antara berikut yang manakah **BUKAN** menerangkan mengenai Virus?

CLO1

T3

- A Aktiviti virus biasanya tidak disedari oleh pengguna komputer.  
 B Program ini menyalin diri sendiri ke dalam satu tempat dan merosakkan fail yang lain.  
 C Program kecil yang memasang diri sendiri ke dalam komputer untuk mengawal aktiviti pelayaran web.  
 D Berlaku dengan bantuan tindakan pengguna tanpa disedari seperti menghantar email dan menyalin fail yang terjangkit.

16. Manakah pernyataan berikut yang **BUKAN** mengenai Cacing (*Worms*)? CLO1  
T3
- A Berlaku dengan bantuan dari tindakan pengguna.
  - B Berlaku dengan bantuan tindakan pengguna seperti menghantar email.
  - C Lebih berdikari dengan memasuki jaringan dan data untuk membuat merosakkan.
  - D Penyebaran dengan menyalin diri sendiri ke dalam satu tempat dan merosakkan fail-fail yang lain.
17. Antara berikut yang manakah menjelaskan mengenai jenis kawalan di dalam kawalan am? CLO1  
T3
- i Mengelakkan akses yang tidak dibenarkan.
  - ii Memastikan keselamatan fizikal perkakasan.
  - iii Memastikan hasil yang dijana dari sistem adalah tepat dan lengkap.
  - iv Membuat audit bagi proses/aktiviti yang terlibat bagi memastikan kawalan yang tepat.
- A i ,iii dan iv
  - B i, ii dan iii
  - C i, ii dan iv
  - D ii, iii dan iv
18. *Transaction Processing System* (TPS) berupaya melaksanakan transaksi CLO1 perniagaan seperti \_\_\_\_\_. T4
- A rekod jualan
  - B penempahan hotel
  - C menyemak baki stok
  - D penilaian pihak pengurusan
19. Antara berikut yang manakah pernyataan yang **BETUL** mengenai peranan CLO1 Sistem Perancangan Sumber Perusahaan. T4
- A Membantu syarikat bersama para pembekal.
  - B Membantu syarikat mempunyai jaringan bersama pelanggan.
  - C Membenarkan syarikat mengurus dengan lebih baik dengan menyimpan dan mengaplikasi pengetahuan dan kepakaran.
  - D Menggabungkan proses perniagaan dalam pembuatan dan pengeluaran, kewangan dan perkaunan, jualan dan pemasaran dan sumber manusia di dalam satu perisian sistem.

20. Terdapat beberapa implikasi etika dan sosial di dalam sistem maklumat.  
Antara berikut yang manakah menerangkan mengenai implikasi privasi?

CLO1T5

- A** Siapa yang memegang hak milik maklumat.
- B** Keaslian dan ketepatan data yang disalurkan.
- C** Siapa yang dibenarkan untuk mengakses maklumat.
- D** Maklumat yang boleh didedahkan kepada individu lain.

**BAHAGIAN B***[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan 1**

- a) i) Apakah definisi program perisian sistem?

CLO1  
[2 markah]    T1  
                  T4

- ii) Apakah definisi program perisian aplikasi?

[2 markah]

- b) Terangkan **DUA (2)** aktiviti di dalam asas sistem maklumat.

[4 markah]

- c) Terangkan **DUA (2)** komponen sistem maklumat beserta dengan contoh yang sesuai.

[6 markah]

- d) Terangkan **TIGA (3)** orang yang terlibat dalam reka bentuk, pembangunan dan penggunaan sistem maklumat dan peranan mereka.

[6 markah]

**Soalan 2**

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** perkakasan komputer.

CLO1  
[4 markah]    T2

- b) Terangkan **DUA (2)** perkakasan komputer.

[4 markah]

- c) Jelaskan **DUA (2)** jenis perisian komputer.

[4 markah]



d) Jelaskan **DUA (2)** jenis perisian aplikasi.

[4 markah]

e) Terangkan **DUA (2)** jenis rangkaian internet.

[4 markah]

### Soalan 3

a) i) Senaraikan **TIGA (3)** perisian berniat jahat (*malicious software*).

CLO1

T3

[3 markah]

T5

ii) Senaraikan **TIGA (3)** jenayah komputer.

[3 markah]

b) Terangkan apa itu Cacing (*Worms*) dan kaedah ia merebak.

[4 markah]

c) Terangkan **TIGA (3)** kawalan yang ada di dalam kawalan am.

[6 markah]

d) i) Terangkan maksud kebolehcapaian.

[2 markah]

ii) Terangkan maksud harta intelek.

[2 markah]

**SOALAN TAMAT**  
**Selamat Menjawab**